

01 MAR 2003

DPMM-Usahawan

USAHAWAN MELAYU PERLU WUJUDKAN RANGKAIAN KUKUH, KATA PRESIDEN DPMM

KANGAR, 1 Mac (Bernama) -- Usahawan Melayu perlu mewujudkan rangkaian yang kukuh bagi menghadapi cabaran globalisasi ekonomi yang kian hebat, kata Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Seri Abdul Rahman Maidin hari ini.

Katanya mereka perlu bebas daripada kepompong keusahawanan tradisional, sebaliknya membina budaya baru dalam kegiatan ekonomi, termasuk mewujudkan rangkaian berkenaan.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pelaburan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) anjuran DPMM Perlis di sini hari ini, Abdul Rahman berkata rangkaian itu antara lain membabitkan sektor pengeluaran, pembiayaan, promosi, galakan di samping infrastruktur.

Katanya usahawan Melayu yang mewujudkan rangkaian itu bukan sahaja dapat berkembang di peringkat tempatan malah boleh menembusi pasaran luar negara.

Beliau juga menyambut baik cadangan kerajaan untuk memperbaharui konsep "Satu Kampung Satu Industri" seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Katanya DPMM bersedia membantu menjayakan konsep baru melalui keupayaan yang ada termasuk mewujudkan usahawan yang berbudaya baru di kampung-kampung.

Mengikut konsep baru itu, sebuah kilang kecil akan dibina di setiap kampung bagi membolehkan penduduk menyertai sektor pengeluaran dengan lebih berkesan.

Abdul Rahman berkata DPMM akan melihat garis panduan yang akan dikemukakan oleh kerajaan dalam melaksanakan konsep baru itu dan akan membantu menjayakannya.

Mengenai kenaikan harga petrol sebanyak dua sen seliter mulai hari ini, beliau berharap sektor pengeluaran tidak menaikkan harga keluaran mereka dengan sewenang-wenangnya.

"Kenaikan ini adalah kecil berbanding apa yang berlaku di sesetengah negara," katanya.

Ketika berucap merasmikan seminar itu, Abdul Rahman kecewa kerana ada syarikat besar yang dilantik sebagai syarikat payung menekan syarikat-syarikat kecil.

"Mereka (syarikat besar) bagi projek kepada syarikat kecil tapi pada masa yang sama, mereka minta duit daripada syarikat kecil itu," katanya.

Katanya jika amalan itu berterusan, syarikat kecil sukar berkembang di bawah naungan syarikat-syarikat besar.

Lebih 100 usahawan menyertai seminar sehari yang bertujuan mendedahkan para usahawan terhadap peluang-peluang pelaburan di dalam dan luar negara.

Antara sektor yang dikenal pasti boleh disertai usahawan ialah IKS berasaskan pertanian dan perikanan dan pengeluaran peralatan automatif.

-- BERNAMA

AD LAT